

Peringkat Perkembangan Konsep Kendiri Mengikut Pandangan Erikson Dan Peranan Perkembangan Kognitif Dalam Pembentukan Konsep Kendiri (Part 5)

Hasmadi Bin Hassan

2.2.3 Peringkat Lokomotor-genital / Inisiatif lawan bersalah (3 – 6 tahun)

Peringkat ini mempunyai kaitan dengan peringkat phallic dalam teori Freud. Jika konflik pada peringkat sebelumnya berjaya di atasi, kanak-kanak berasa dirinya kini mempunyai hak.

Ketika kanak-kanak berumur 3 tahun, persaan autonominya (jika digalakkan) sudahpun mencapai aras perkembangan yang tinggi. Selain itu, kanak-kanak diperangkat ini juga ingin meneroka dan mencuba sesuatu yang baru dan mencabar. Keinginan seperti ini dikenali sebagai inisiatif. Perkembangan inisiatif adalah amat penting dalam lingkungan usia 3 – 6 tahun. Sekiranya trait inisiatif hendak dipupuk, kanak-kanak seharusnya sentiasa di dorong untuk mencuba sesuatu yang baru.

Piaget juga menekankan aktiviti ini sebagai keperluan untuk perkembangan intelek. Ia juga perlu untuk perkembangan psikososial. Inisiatif merupakan trait yang akan membantu kita sepanjang hayat. Sekiranya tidak digalakkan pada peringkat ini, perkembangan seseorang kanak-kanak itu mungkin terjejas.

Melalui galakan yang diberi kepada kanak-kanak untuk meneroka dan mencuba, mereka akan menyedari keupayaan dan potensi mereka. Mereka akan mula mengetahui yang mereka itu boleh mengarahkan diri mereka untuk mencapai sesuatu yang berfaedah. Kanak-kanak dalam keadaan tersebut akan membesar menjadi seorang dewasa yang berinisiatif. Sebaliknya, kanak-kanak yang tidak dibenarkan untuk mencuba dan meneroka akan membesar menjadi individu yang kurang berinisiatif serta rendah keyakinan diri. Kanak-kanak seperti ini sering berasa bersalah. Justeru perkembangan konsep kendiri kanak-kanak sebegini dilihat membentuk konsep kendiri yang negatif.

2.2.4 Peringkat Latency / ketekunan lawan kompleks rendah diri (6 – 12 tahun)

Peringkat ini juga dilihat ada persamaan dengan teori Freud. Ketika mencapai usia 6 tahun, kanak-kanak adalah amat bertenaga. Kebolehan berbahasa telah meningkat. Mereka mula mencapai peringkat operasi konkrit, iaitu mereka berupaya menggambarkan transformasi dan pertalian antara dua situasi berkaitan. Memahami proses pembalikan serta berfikiran logis. Mereka juga boleh memahami konsep ruang, kelajuan, masa dan sebab-musabab satu-satu kejadian. Mereka juga boleh menyusun idea-idea mengikut urutan. Mereka boleh memahami sesuatu idea dari beberapa segi. Ini juga bermakna meraka sudah bersedia untuk menerima pandangan-pandangan orang lain.

Bahasa mula digunakan dengan agak jitu dan tepat lagi ia adalah tentang objek-objek yang konkrit. Konsep tentang kejujuran dan taat setia masih lagi sukar difahami. Persaingan

dalam permainan mula bertambah hebat. Kanak-kanak tidak lagi mudah menerima kekalahan dan pertengkaran juga sentiasa berlaku dalam permainan di mana unsur persaingan adalah kuat.

Menurut Erikson, kanak-kanak pada peringkat ini perlu menyalurkan tenaga mereka ke arah menghasilkan sesuatu yang baik. Tugasan yang dijalankan hendaklah menghasilkan sesuatu seperti penyelesaian, produk, kemahiran atau kefahaman. Apabila tenaga kanak-kanak ditujukan kepada tugas yang bertujuan, maka ketekunan individu itu akan dipupuk. Ketekunan ini akan meningkatkan lagi keterampilan, iaitu keupayaan untuk melakukan atau membuat sesuatu. Peringkat ini merupakan kunci bagi perkembangan sikap yang rajin, iaitu satu keinginan untuk menjalankan aktiviti yang berfaedah. Keinginan untuk menjalankan sesuatu aktiviti yang berfaedah hendaklah sentiasa digalakkan.

Sekiranya keinginan itu dihalangi, maka suatu perasaan rendah diri dan kurang yakin akan dibentuk. Orang dewasa akan menjadi marah jika sesuatu aktiviti itu menimbulkan kebisingan. Amalan seperti inilah akan menyebabkan seseorang kanak-kanak itu berasa bersalah. Oleh itu, aktiviti-aktiviti yang berfaedah yang dilakukan oleh kanak-kanak hendaklah dipuji dan digalakkan agar sikap ketekunan dapat dipupuk.

CONTINUE...